

Publication: Utusan Malaysia

Section: Bisnes

Date: 28 October 2009

Page: 21

Bergantung kepada pemulihan ekonomi, sentimen pelabur

Prestasi Bursa Malaysia mendatar



Oleh **AZMAN IBRAHIM**
azman.ibrahim@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 27 Okt. – Bursa Malaysia Bhd. (Bursa Malaysia) menjangkakan prestasi perniagaannya mendatar sepanjang tahun ini berikutan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Yusli Mohamed Yusoff (gambar) berkata, dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, prestasi Bursa Malaysia masih di bawah paras yang pernah dicapai pada tahun lalu.

"Dalam dua bulan akan datang,

kami menjangkakan pencapaian Bursa Malaysia adalah lebih baik dan berpatutan dengan pencapaiannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* pada sidang kemuncak CSR Asia kali ke-tujuh di sini hari ini.

Hadir pada sidang kemuncak berkenaan ialah Pengerusi CSR Asia, Richard Welford.

Bursa Malaysia mencatatkan peningkatan keuntungan bersih sebanyak 52 peratus pada suku ketiga berakhir 30 September 2009 kepada RM30.8 juta berbanding RM20.2 juta

sebelumnya.

Bursa Malaysia turut mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 19 peratus kepada RM79.1 juta pada suku ini berbanding RM66.6 juta sebelumnya.

Beliau menjangkakan prestasi tahun depan lebih baik, bergantung kepada proses pemulihan ekonomi selain sentimen pelabur.

Ditanya perancangan masa depan Bursa Malaysia, beliau memberitahu, pihaknya merancang untuk memperkenalkan sistem dagangan elektronik, *Direct Market Access* (DMA) sebelum akhir tahun.

Katanya, DMA dijangka meningkatkan keberkesanan dagangan kepada para pedagang dan peniaga.

"Saya berharap dengan pengenalan DMA akan memperlihatkan lebih banyak dagangan yang dilakukan secara elektronik.

"Kebanyakan negara membangun sudah memperkenalkan kaedah ini dan kita tidak mahu ketinggalan dalam pelaksanaan itu," ujarnya.

Yusli berpendapat DMA akan meningkatkan bilangan dagangan dalam sehari dan para peniaga dapat membuat pelaburan secara terus menerus dari pejabat.

Bursa Malaysia perkenal ESG tarik pelabur

KUALA LUMPUR 27 Okt. – Bursa Malaysia Bhd. (Bursa Malaysia) merancang untuk mewujudkan indeks persekitaran, sosial dan pentadbiran (ESG) dalam tempoh beberapa tahun lagi bagi menunjukkan profil syarikat-syarikat tempatan kepada pelabur asing.

ESG yang mempunyai tiga elemen itu hampir sama dengan konsep tanggungjawab sosial korporat (CSR) tetapi perbedaannya adalah pada penambahan elemen persekitaran dan pentadbiran.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Yusli Mohamed Yusoff berkata,

langkah pengenalan itu tepat pada waktunya, iaitu pada waktu krisis ekonomi, bagi menarik perhatian pelabur asing terhadap aktiviti ESG yang dijalankan oleh syarikat tempatan di Malaysia.

Beliau berkata, langkah untuk mewujudkan indeks berkenaan sudah lama dibincangkan, namun pihaknya masih tidak mempunyai rangka kerja dan jangka masa berhubung pengenalan perkara itu.

"Sebelum ini, Bursa Malaysia tidak pernah mempunyai indeks CSR, sebaliknya akan memperkenalkan konsep ESG yang lebih praktikal untuk

syarikat tempatan.

"Di luar negara, indeks yang menyerupai ESG sudah dilakukan seperti indeks daya tahan DowJones, FTSE dan beberapa lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar pada sidang kemuncak CSR Asia ketujuh di sini hari ini.

Hadir pada sidang berkenaan ialah Pengerusi CSR Asia, Richard Welford.

Sidang kemuncak selama dua hari itu dihadiri lebih 300 peserta dari pelbagai negara yang terdiri daripada syarikat swasta, awam dan pertubuhan bukan kerajaan.

Yusli menambah, pengenalan indeks ESG akan membantu pihaknya untuk melihat profil syarikat-syarikat tersenarai yang terlibat dalam persekitaran, sosial dan pentadbiran.

Katanya, selain indeks, langkah tersebut dapat mewujudkan kesedaran kepada syarikat agar mengambil berat terhadap isu persekitaran, sosial dan pentadbiran.

Salah satu cabaran yang terdapat di sekeliling kita adalah perubahan cuaca yang memberi impak kepada produk-produk dan juga dalam sektor perladangan.

Indeks berkenaan dijangka dapat

melihat penyertaan dan penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam tugas-tugas berkaitan ESG.

"Ini penting bagi menunjukkan kepada pelabur-pelabur asing mengenai penyertaan syarikat tempatan dalam aktiviti ESG," ujarnya.

Sementara itu, Welford memberitahu, tidak banyak nama-nama besar yang melakukan tanggungjawab itu didedahkan untuk pengetahuan awam.

"Saya melihat banyak syarikat-syarikat Malaysia menjalankan kerja-kerja CSR dan pengenalan konsep indeks ESG di Bursa Malaysia dijangka dapat menarik pelaburan asing," katanya.